

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Tarikh: 04/2026

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai Insurans Penanaman Pokok anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

## 1 Apakah Insurans Penanaman Pokok?

Insurans Penanaman Pokok memberikan perlindungan kepada pokok yang sedang ditanam daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, serta risiko tambahan yang dilindungi.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi**, bagi ladang kelapa sawit dengan Jumlah Diinsuranskan **RM500,000.00**, dengan premium **RM2,250.00 setahun**, anda akan menerima perlindungan insurans penanaman pokok seperti berikut:

Polisi ini <b>melindungi</b> :	Polisi ini <b>tidak melindungi</b> :
<ul style="list-style-type: none"><li>Kehilangan atau kerosakan pokok yang sedang ditanam akibat kebakaran, kilat, dan risiko tambahan yang dilindungi.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara.</li><li>Sebarang tindakan keganasan (terrorism)</li><li>Kerosakan akibat kenderaan bermotor atau pesawat.</li><li>Risiko Tenaga Nuklear dan Radioaktif</li><li>Kerosakan akibat anai-anai, serangga perosak, pertumbuhan kulat atau penyakit</li><li>Kerosakan akibat racun rumpai, racun serangga atau racun perosak</li></ul>

Dengan pembayaran **premium tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Pembakaran semak, tumbuhan atau pokok di dalam ladang
- Kebakaran bawah tanah dan/atau kebakaran gambut
- Tanah runtuh atau tanah mendap
- Kerosakan akibat haiwan liar
- Banjir
- Ribut kencang / angin taufan
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat
- Kerosakan akibat pesawat

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans ini, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1-800-888-458



Lawati laman sesawang kami di:  
[www.progressiveinsurance.com.my](http://www.progressiveinsurance.com.my)



E-mel kami di:  
[customercare@progressiveinsurance.com.my](mailto:customercare@progressiveinsurance.com.my)



Imbas kod  
QR di atas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi sahaja, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	<b>RM2,250.00 (setahun)</b>
(+) Perlindungan Tambahan	1. Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat ( <b>RM150.00</b> ) 2. Kerosakan akibat pesawat ( <b>RM50.00</b> )
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM2,450.00 (setahun)</b>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	<b>RM196.00 (setahun)</b>
(+) Duti Setem	<b>RM10.00</b>
<b>Jumlah Premium Perlu Dibayar</b>	<b>RM2,656.00 (setahun)</b>
Di mana ini termasuk:	
Komisen	<b>15% daripada Premium Kasar atau RM367.50</b>
<b>Nota:</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ini hanyalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung kepada liputan insurans, tahap risiko, dan kriteria pengunderaitan Progressive Insurance Bhd.</li> <li>Kadar Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>

### 4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Kewajipan Pendedahan:</b> Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau sepatutnya diketahui yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, termasuk sejarah insurans dan kerugian anda. Semua fakta berkaitan mesti dinyatakan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.</li> <li><b>Perubahan Risiko:</b> Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi supaya pindaan boleh dibuat dan disahkan pada polisi anda.</li> <li><b>Jumlah Diinsuranskan:</b> Anda mesti memastikan bahawa bangunan dan struktur kekal anda diinsuranskan pada jumlah yang mencerminkan kos pemulihan sepenuhnya (pembinaan semula), termasuk sebarang peluasan, peningkatan, atau pengubahsuaian yang dibuat sepanjang tempoh polisi. Ini memastikan jumlah yang diinsuranskan mencukupi untuk memulihkan harta tersebut ke keadaan asal selepas berlaku kerugian.</li> <li><b>Lebihan:</b> Ia adalah jumlah kerugian yang perlu ditanggung sebelum kami memberi pampasan.</li> <li><b>Premium:</b> Premium yang perlu dibayar mesti dijelaskan dan diterima oleh Progressive Insurance Bhd dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula polisi. Jika gagal, polisi dibatalkan secara automatik dan kami berhak mengenakan premium pro-rata bagi tempoh risiko yang telah ditanggung.</li> <li><b>Tuntutan:</b> Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera mengenai sebarang tuntutan dan mengambil langkah munasabah untuk mengurangkan kerugian atau kerosakan.</li> </ul>
<p>Nota: Senarai ini <b>tidak menyeluruh</b>. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>

### ? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, sebarang bayaran balik premium akan dibuat berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Syarikat boleh membayar balik premium yang terhutang di bawah kontrak insurans secara pro-rata atau mengikut tempoh pendek kepada Pihak Diinsuranskan dan mengekalkan premium minimum, kecuali jika pembatalan dilakukan dari tarikh mula polisi ini.
- Jadual Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Insurans	Peratusan Bayaran Balik Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik premium

Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had tertentu. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))